

28/12/2001

Tingkatkan usaha gamit pelawat asing

SERANGAN perampas pesawat terhadap dua mercu tanda di Amerika Syarikat, 11 September lalu, serta keputusan terbaru syarikat penerbangan Australia, Qantas Airways, menyambung semula operasinya ke Kuala Lumpur, memang tiada kaitan. Namun, kebimbangan masyarakat Barat yang tidak begitu yakin mereka tidak akan menjadi mangsa serangan pengganas, boleh mengalihkan tumpuan mereka ke negara Timur Jauh, termasuk Malaysia. Dengan ramai pelancong dikatakan tidak berminat untuk ke Eropah atau Amerika, sewajarnya Malaysia memanfaatkannya dengan meningkatkan promosi dan galakan bagi menonjolkan negara ini sebagai antara alternatif terbaik untuk mereka menikmati percutian atau berbelanja tanpa was-was.

Dengan kembalinya penerbangan Qantas tidak syak lagi dapat membantu Malaysia dari sektor pelancongan, perdagangan dan pelaburan, bukan hanya antara kedua-dua negara. Lebih daripada itu, kebimbangan rakyat negara Islam untuk melawat atau berniaga di Eropah dan Amerika, akan turut mendorong mereka melancong dan mencari peluang perniagaan di negara Islam lain. Sebagaimana dikatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, ia menawarkan satu lagi peluang buat Malaysia yang harus bersedia memenuhi permintaan mereka. Dasar negara ini yang tidak membeza-bezakan di antara masyarakat kulit putih dengan umat Islam dari keturunan Arab seharusnya menjadi tarikan. Dalam pada itu, ia tidak bermakna rakyat negara ini boleh berpeluk tubuh dalam menantikan kedatangan rakyat asing, baik untuk berlibur atau berniaga.

(END)